

# Anggerik dinamakan sempena PM Britain

PERDANA Menteri Britain, Encik David Cameron, kini berada di Singapura bagi lawatan rasmi selama dua hari.

Semasa berkunjung ke Taman Anggerik Negara pada hari pertama lawatannya semalam, sekuntum bunga anggerik telah dinamakan atas nama beliau.

Awal dari itu, Encik Cameron telah menyampaikan ucapan dalam satu acara di Sekolah Dasar Awam Lee Kuan Yew (LKYSPP).

Satu upacara sambutan beristiadat akan diadakan bagi Encik Cameron di Istana hari ini sebelum beliau bertemu dengan Presiden Tony Tan Keng Yam dan Perdana Menteri Lee Hsien Loong.

Encik Cameron ditemani Setiausaha Negara bagi Perniagaan, Inovasi dan Kemahiran United Kingdom, Encik Sajid Javid; Setiausaha Negara bagi Perubahan Iklim dan Tenaga, Cik Amber Rudd; Menteri Negara Perdagangan dan Pelaburan, Encik Francis Maude; Menteri Negara Syarikat, Industri dan Perniagaan Kecil, Cik Anna Soubry; pegawai kanan dan dua delegasi perniagaan.



**KUNJUNGAN PM BRITAIN:** Encik Cameron (*dua dari kanan*) bersama (*dari kiri*) Menteri di Pejabat Perdana Menteri, Cik Grace Fu; Cik Soubry dan Ketua Pegawai Eksekutif NParks, Encik Kenneth Er, di Taman Anggerik Negara. – Foto REUTERS